

Home » Ringgit dijangka stabil pada 4.40 hingga 4.50 berbanding AS

EKONOMI

## Ringgit dijangka stabil pada 4.40 hingga 4.50 berbanding AS

Oleh MUHAMMAD IKHWAN IDERIS 8 Ogos 2024, 6:21 pm



Tan Teng Boo

KUALA LUMPUR – Ringgit yang telah menyaksikan pengukuhan signifikan sejak akhir-akhir ini dijangka kembali stabil kepada paras antara 4.40 dan 4.50 berbanding dolar Amerika Syarikat menjelang akhir tahun ini.

Pengarah Urusan Capital Dynamics, Tan Teng Boo berkata, ringgit mengukuh terlalu pantas daripada paras sebelum ini dan sekiranya berterusan, ia sedikit sebanyak boleh menjelaskan perniagaan tempatan.

"Sekiranya ringgit mengukuh terlalu laju, ia boleh menjelaskan perniagaan berorientasikan eksport. Sama ada ringgit mengukuh atau melemah, akan ada perniagaan yang mendapat manfaat dan ada juga yang terjejas."



"Situasi terbaik ialah mata wang tempatan mengukuh secara beransur-ansur supaya pengguna dan perniagaan dapat sesuaikan diri dengan perubahan," katanya kepada pemberita di sini.

Mengulas potensi ringgit mengukuh kepada bawah paras 4.00, Teng Boo berkata, ia boleh berlaku dalam tempoh jangka panjang, namun dipengaruhi banyak faktor seperti risiko kemelesetan ekonomi AS, serta kedudukan ekonomi China.

Sementara itu, Teng Boo akan memberi taklimat berhubung pelbagai isu yang berkaitan dengan tajuk *Where is China Heading* dan memberi tips terbaik berhubung pemilihan kaunter saham berpotensi pada 7 September ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. -KOSMO! ONLINE